

Pelaburan diberi peranan penting

Dr. M: Industri di Malaysia kukuh

STOCKHOLM, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini keupayaan Malaysia menyediakan tapak kukuh bagi perindustrian pembuatan jauh melebihi anjuran yang dibuat oleh perancang ekonominya.

Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi di samping terus mengamalkan demokrasi yang berkesan, kata Timbalan Perdana Menteri di satu seminar pelaburan Malaysia di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang mengetuai rombongan perdagangan tiga hari di sini selepas mengadakan seminar serupa itu di Zurich, berkata ramai usahawan yang berpandangan jauh mendapati Malaysia sebagai pusat yang menguntungkan bagi pelaburan.

Katanya pelaburan swasta, termasuk pemodal-pemodal asing, telah diberikan peranan penting dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga sekarang.

Ini terbukti dengan malamat rancangan itu untuk men-

apatkan pelaburan berjumlah AS\$20,900 juta (\$48,800 juta Malaysia) oleh kedua-dua sektor awam dan swasta.

Dari \$12,900 juta (Amerika) bagi pelaburan swasta, \$4,500 juta (Amerika) ialah dalam sektor pembuatan.

Ketika menyelut tentang kejayaan ekonomi Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, berkata negara itu mengalu-alukan pelabur menanam modal untuk mendapatkan keuntungan.

Sumbangan

Bagaimanapun, katanya Malaysia di waktu yang sama mengharapkan pelabur, asing dan tempatan, memberikan sumbangan positif ke arah pertumbuhan kesejahteraan negara itu.

"Pemerias kapitalis yang gelojoh yang membolot segala-galanya dan tidak pula menghulurkan sebarang sesuatu tidak mempunyai tempat dalam masyarakat moden," katanya. **D a l a m u s a h a n y a** menyediakan pusat keuntungan kepada pelabur, asing, Kerajaan mempunyai beberapa dasar dan garis panduan tertentu bagi

penyertaan ekuiti dalam penanaman modal di Malaysia.

Bellau memberi jaminan kepada usahawan dan ahli-pelaksanaan Sweden bahawa garis panduan dan dasar-dasar itu tidak akan menjejaskan kejayaan dan pencapaian keuntungan perniagaan mereka.

Kerajaan Malaysia bersedia menerima semua pandangan selagi keuntungan dinkikmati bersama antara pelabur dan juga Malaysia sebagai tuan rumah yang sentiasa sedia menerima mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga memberi jaminan kepada bakal-pelabur bahawa Malaysia tidak akan memiliknegerakan perusahaan yang dimiliki oleh pemodal-pemodal asing dan menekankan bahawa negara itu merupakan tempat yang selamat untuk melabur.

Katanya, tamatnya peperangan di Vietnam tidak mengubah keadaan itu ataupun pertempuran antara China dengan Vietnam menjejaskan kedudukan Malaysia.

Walaupun masalah pendatang haram Vietnam di Malaysia agak runcing, bellau menyatakan bahawa keselamatan negara itu tidak langsung terjejas. — Bernama.